

**Gunakan cara kotor semata2
untuk kepentingan peribadi**

MAR 1987

P M KESAL KEMPEN FITNAH

KUALA KUBU BAKHARU 14 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kesal kerana terdapat golongan dalam UMNO yang memfitnah pihak lain dalam usaha mencari pengaruh menjelang pemilihan UMNO 24 April depan.

Presiden UMNO itu mengingatkan golongan tersebut supaya jangan menggunakan cara kotor itu semata - mata untuk kepentingan peribadi.

Beliau menyebut tentang beberapa fitnah yang dilemparkan

**Oleh
Zaini Nasri**

mengenai dirinya sejak akhir - akhir ini, kononnya beliau Perdana Menteri terkaya di dunia dan mempunyai sebuah rumah lagi di Genting Highlands.

Demokrasi

Sambil menafikan fitnah itu, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa cerita - cerita begitu adalah tidak sihat dan boleh menimbulkan kebencian di kalangan rakyat terhadap pemimpin - pemimpin yang difitnah.

Katanya, apabila timbul kebencian, semua yang dibuat oleh pemimpin - pemimpin berkenaan tidak kena belaka dan orang tidak mempertimbangkan lagi sama ada fitnah itu benar

atau palsu.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Hulu Selangor di sini hari ini, Perdana Menteri mengingatkan bahawa amalan demokrasi hendaklah disertakan dengan sikap bertanggungjawab bagi mengelakkan perpecahan dalam parti.

Turut hadir di mesyuarat itu ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Muhammad Haji Mohd. Taib selaku Ketua UMNO bahagian Hulu Selangor dan Ketua Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali Haji Ali.

Perdana Menteri seterusnya menegaskan, kalau diberikan kebebasan bertanding dan memilih tanpa sikap bertanggungjawab, ahli - ahli UMNO, orang Melayu, agama Islam dan negara akan menanggung akibat yang buruk.

Beliau berkata, hasrat parti bukannya hendak mengisi kekosongan tetapi untuk memperjuangkan nasib UMNO, orang-orang Melayu, agama Islam dan negara di mana rakyat akan rugi jika perjuangan ini tidak tercapai.

Menyentuh tentang peralihan pucuk pimpinan parti dan negara, beliau berkata, ia berlaku tanpa dirancang oleh sesiapa sebaliknya ditakdirkan oleh Allah.

Menyebut kembali peralihan pucuk pimpinan daripada Tunku Abdul Rahman Putera, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan seterusnya beliau berkata, tidak seorang pun antara mereka yang mengambil alih pucuk pimpinan itu berusaha menggulingkan pemimpin sebelumnya.

Mengenai dirinya, Perdana Menteri menambah, selagi rakyat memerlukan

LIHAT MUKA 11

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM KESAL KEMPEN FITNAH

MM 15 MAR 1987

beliau berkhidmat, beliau akan berkhidmat.

"Kalau sudah tidak mahu lagi saya berkhidmat, cakapkanlah saja. Saya sedia berundur tetapi janganlah menolak saya sampai rebah," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan ahli-ahli UMNO, janganlah kerana pemilihan UMNO tahun ini parti itu berpecah sehingga merugikan orang-orang Melayu sendiri.

Sementara itu, mengenai tuduhan bahawa Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin terlibat dengan rasuah, Perdana Menteri

meminta pihak yang menuduh itu memberikan bukti-buktinya.

"Orang yang membuat tuduhan itu juga mestilah sanggup menjadi saksi dengan membawa butiran-butiran mengenai perkara itu dan jika tuduhan itu palsu dia mestilah juga sanggup menghadapi tindakan pula," tegas beliau semasa menjawab pertanyaan para pemberita kemudian.

Beliau berkata jika benar Encik Daim melakukan kesalahan, beliau sanggup bersikap adil dan tidak akan memilih kasih dalam hal ini.